KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
NKRA - PENDIDIKAN

MANUAL
INSTRUMEN NUMERASI LISAN
SARINGAN 1 (SK/SJKC/SJKT)
TAHUN 1

MAC/APRIL 2013

LINUS © *Hak Cipta Kerajaan Malaysia 2013*

KAEDAH PELAKSANAAN

- Instrumen ini hendaklah ditadbir pada 10 Mac – 19 April 2013
- Setiap murid Tahun 1 mesti menduduki saringan ini
- Ditadbir oleh guru Matematik / LINUS mengikut masa yang ditetapkan menggunakan bahasa pengantar di sekolah
- Ditadbir secara individu atau kumpulan kecil (bilangan murid dalam kumpulan kecil tidak lebih daripada 3 orang)
- Jika ditadbir secara kumpulan kecil, pastikan angka, nombor, objek atau gambar yang digunakan berbeza bagi setiap murid berdasarkan item
- Semua item / konstruk perlu ditaksir mengikut urutan
- Guru perlu mentaksir semula mana-mana konstruk yang belum dikuasai oleh murid mengikut urutan item / konstruk
- Guru Matematik / LINUS disarankan berada dengan murid ketika saringan dilaksanakan
- Ditadbir tanpa dipengaruhi oleh sebarang sentimen perkauman dan tahap kecerdasan murid
- Guru Matematik / LINUS **perlu** membantu murid memahami tugasan item
- Murid disaring secara telus dan jujur
- Guru Matematik / LINUS mesti mencatat pencapaian murid menggunakan Borang Prestasi Individu seperti yang dilampirkan pada halaman belakang Instrumen Saringan Numerasi
- Murid menguasai sesuatu konstruk jika dapat menjawab betul kedua-dua item yang mengukur konstruk tersebut

LINUS © *Hak Cipta Kerajaan Malaysia 2013*

TINDAKAN HASIL PROSES SARINGAN

Setiap murid Tahun 1 yang telah menduduki Saringan 1 (Lisan dan Bertulis) akan ditempatkan mengikut penguasaan konstruk berdasarkan jadual di bawah:

Saringan 1	
Tidak Menguasai Konstruk 1 – Konstruk 2 (dibimbing oleh guru Pemulihan Khas)	Program LINUS
Menguasai Konstruk 1 dan 2 tetapi tidak menguasai mana-mana Konstruk 3 – Konstruk 12	
Menguasai Konstruk 1 hingga Konstruk 12	Kelas arus perdana

Semua murid akan menduduki Saringan 2 Tahun 1 (2013). Program LINUS dilaksanakan oleh guru Matematik dan guru Pemulihan yang sedia ada di sekolah.

Proses diagnosis dan program pemulihan LINUS dilaksanakan oleh guru LINUS kerana hanya guru LINUS yang layak dan wajar melaksanakan tugasan tersebut. Guru LINUS perlu menggunakan kebijaksanaan dan kepakaran masing-masing untuk memastikan semua 12 konstruk dikuasai.

LINUS © *Hak Cipta Kerajaan Malaysia 2013*

PENERANGAN INSTRUMEN SARINGAN 1 (LISAN)

Item 1

Konstruk 1 : Keupayaan pra nombor dan mengenal angka

- Guru menunjukkan angka 3, 7 dan 9 seperti di dalam instrumen
- Guru minta murid menyebut angka-angka tersebut
- Murid menguasai tugasan ini jika menyebut 3, 7 dan 9 / bahasa pengantar di sekolah

Catatan

1. Jika murid gagal, guru boleh menukar kepada angka-angka yang lain
2. Murid menguasai tugasan ini jika menyebut mana-mana tiga angka

Item 2

Konstruk 1 : Keupayaan pra nombor dan mengenal angka

- Guru menyediakan kad angka 1 hingga 9
- Guru minta murid mengambil kad angka 5, 8 dan 2
- Murid menguasai tugasan ini jika mengambil kad angka 5, 8 dan 2

Catatan

1. Jika murid gagal mengambil kad angka 5, 8 atau 2 guru boleh mengulang dengan meminta murid mengambil kad angka yang lain
2. Murid menguasai tugasan ini jika mengambil mana-mana tiga kad angka yang diminta oleh guru

Item 3

Konstruk 2 : Keupayaan membilang

- Guru menyediakan 10 buku tulis
- Guru minta murid mengambil 4 buku tulis
- Murid menguasai tugasan ini jika mengambil 4 buku tulis

Catatan

1. Jika murid gagal mengambil 4 buku tulis, guru boleh mengulang semula dengan menyebut nombor lain
2. Guru boleh menggantikan buku tulis dengan objek lain

LINUS © *Hak Cipta Kerajaan Malaysia 2013*

Item 4

Konstruk 2 : Keupayaan membilang

- Guru menyediakan 6 pensel dan 2 pemadam
- Guru minta murid membilang pensel
- Guru minta murid membilang pemadam
- Murid menguasai tugasan ini jika menyatakan 6 dan 2

Catatan

1. Guru boleh menukar bilangan objek
2. Guru boleh menggantikan pensel atau pemadam dengan objek lain

Item 5

Konstruk 3 : Keupayaan memahami nilai nombor

- Guru menyediakan kad angka 1 hingga 9
- Guru menyediakan 10 pen
- Guru menunjukkan kad angka 6 kepada murid
- Guru minta murid menyebut angka tersebut
- Guru minta murid mengambil pen mengikut nilai nombor
- Murid menguasai tugasan ini jika menyebut 6 dan mengambil 6 pen

Catatan

1. Jika murid gagal menyebut 6 dan mengambil 6 pen, guru boleh mengulang semula dengan kad angka yang lain
2. Guru boleh menggantikan pen dengan objek lain

Item 6

Konstruk 3 : Keupayaan memahami nilai nombor

- Guru menyediakan kad gambar beg kertas dan kad nombor 3, 5 dan 7
- Guru menunjukkan kad gambar dan kad nombor
- Guru meminta murid memadankan kad gambar dengan kad nombor
- Murid menguasai tugasan ini jika memadankan dengan betul

Catatan

1. Guru boleh menggantikan kad gambar beg kertas dengan kad gambar lain

LINUS © *Hak Cipta Kerajaan Malaysia 2013*

Item 7

Konstruk 4 : Keupayaan membuat seriasi

- Guru menyediakan tiga kad gambar
- Guru minta murid menyusun gambar mengikut urutan banyak ke sedikit
- Murid menguasai tugasan ini jika menyusun mengikut urutan banyak ke sedikit

Catatan

1. Guru boleh minta murid menyusun gambar mengikut urutan sedikit ke banyak

Item 8

Konstruk 4 : Keupayaan membuat seriasi

- Guru menyediakan dua keping kad gambar
- Guru minta murid memilih kad gambar buah yang disusun mengikut urutan kecil ke besar
- Murid menguasai tugasan ini jika memilih kad gambar yang betul

Item 9

Konstruk 5 : Keupayaan mengenal mata wang Malaysia

- Guru menyediakan wang RM5 dan RM10
- Guru menyediakan dua keping wang kertas negara luar
- Guru minta murid mengambil wang Malaysia
- Murid menguasai tugasan ini jika mengambil wang RM5 dan RM10

Item 10

Konstruk 5 : Keupayaan mengenal mata wang Malaysia

- Guru menyediakan wang 10 sen dan RM1
- Guru menyediakan wang syiling dan wang kertas negara luar
- Guru minta murid mengambil wang syiling Malaysia
- Guru minta murid mengambil wang kertas Malaysia
- Murid menguasai tugasan ini jika mengambil 10 sen dan RM1

LINUS © *Hak Cipta Kerajaan Malaysia 2013*

Item 11

Konstruk 6 : Keupayaan menyatakan waktu

- Guru menunjukkan kad gambar
- Guru minta murid menyatakan waktu aktiviti itu dilakukan
- Murid menguasai tugasan ini jika menyatakan siang / bahasa pengantar di sekolah

Item 12

Konstruk 6 : Keupayaan menyatakan waktu

- Guru minta murid menyatakan waktu saringan dijalankan
- Murid menguasai tugasan ini jika menyebut pagi / bahasa pengantar di sekolah

Catatan

1. Guru boleh menukar waktu kepada waktu lain mengikut waktu saringan

Item 13

Konstruk 7 : Keupayaan mengendalikan operasi asas

- Guru menyediakan 8 pensel di dalam bekas
- Guru minta murid membilang pensel di dalam bekas
- Guru minta murid mengambil 3 pensel
- Guru minta murid menyatakan sama ada bilangan pensel di dalam bekas, bertambah atau berkurang
- Murid menguasai tugasan ini jika menyatakan berkurang

Catatan

1. Guru boleh menukar bilangan pensel yang diambil
2. Guru boleh menggantikan pensel dengan objek lain

Item 14

Konstruk 7 : Keupayaan mengendalikan operasi asas

- Guru menunjukkan kad simbol
- Guru minta murid memilih kad simbol yang digunakan
- Murid menguasai tugasan ini jika memilih kad simbol (-)

LINUS © *Hak Cipta Kerajaan Malaysia 2013*

Item 15

Konstruk 8 : Keupayaan mengendalikan operasi asas melibatkan mata wang Malaysia

- Guru menyediakan wang 10 sen, 10 sen dan 50 sen
- Guru minta murid mengambil wang syiling mengikut saiz yang sama
- Guru minta murid menyebut nilai wang yang diambil satu persatu
- Guru minta murid menyebut jumlah wang yang diambil
- Murid menguasai tugasan ini jika menyebut 10 sen, 10 sen dan menyebut jumlah wang 20 sen

Catatan

1. Guru mesti menggunakan wang sebenar
2. Guru mesti menggunakan wang 10 sen yang sama saiz

Item 16

Konstruk 8 : Keupayaan mengendalikan operasi asas melibatkan mata wang Malaysia

- Guru menyediakan wang RM1, RM1 dan RM5
- Guru minta murid mengambil wang mengikut warna yang sama
- Guru minta murid menyebut nilai wang yang diambil satu persatu
- Guru minta murid menyebut jumlah wang yang diambil
- Murid menguasai tugasan ini jika menyebut RM1, RM1 dan menyebut jumlah wang RM2

Catatan

1. Guru mesti menggunakan wang sebenar
2. Guru mesti menggunakan wang RM1 yang sama warna

Item 17

Konstruk 9 : Keupayaan mengukur panjang objek, jisim objek dan isi padu

- Guru menunjukkan dua pensel warna yang berbeza ukuran
- Guru minta murid memilih pensel warna yang lebih panjang
- Murid menguasai tugasan ini jika memilih pensel warna yang lebih panjang

Catatan

1. Pastikan perbezaan panjang pensel warna adalah jelas
2. Guru boleh menukar pensel warna dengan objek lain

LINUS © *Hak Cipta Kerajaan Malaysia 2013*

Item 18

Konstruk 9 : Keupayaan mengukur panjang objek, jisim objek dan isi padu

- Guru menyediakan tiga gelas yang berisi air penuh, setengah dan suku
- Guru minta murid menunjukkan gelas yang berisi air penuh
- Murid menguasai tugasan ini jika menunjukkan gelas yang berisi air penuh

Catatan

1. Guru boleh menukar gelas kepada bekas yang lain

Item 19

Konstruk 10 : Keupayaan menterjemah ayat biasa kepada ayat matematik dan sebaliknya

- Guru menyediakan 3 penyedut minuman di dalam bekas dan 5 penyedut minuman di atas meja
- Guru minta murid membilang penyedut minuman di dalam bekas
- Guru minta murid memasukkan 2 lagi penyedut minuman ke dalam bekas
- Guru minta murid membilang semula penyedut minuman yang ada di dalam bekas
- Guru minta murid memilih kad ayat matematik yang digunakan dalam situasi tersebut
- Murid menguasai tugasan ini jika memilih 3 + 2 = 5

Item 20

Konstruk 10 : Keupayaan menterjemah ayat biasa kepada ayat matematik dan sebaliknya

- Guru menyediakan 10 penutup botol di dalam bekas
- Guru minta murid membilang penutup botol di dalam bekas
- Guru minta murid mengambil 4 penutup botol
- Guru minta murid membilang penutup botol di dalam bekas
- Guru minta murid memilih kad ayat matematik yang digunakan
- Murid menguasai tugasan ini jika memilih kad ayat matematik 10 – 4 = 6

LINUS © *Hak Cipta Kerajaan Malaysia 2013*

Item 21

Konstruk 11 : Keupayaan mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran dalam kehidupan harian terhad kepada nombor bulat dan sebaliknya

- Guru membaca situasi seperti dalam instrumen
- Guru minta murid memberi jawapan
- Murid menguasai tugasan ini jika menjawab 6 / bahasa pengantar di sekolah

Item 22

Konstruk 11 : Keupayaan mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran dalam kehidupan harian terhad kepada nombor bulat dan sebaliknya

- Guru membaca situasi seperti dalam instrumen
- Guru minta murid memberi jawapan
- Murid menguasai tugasan ini jika menjawab 4 / bahasa pengantar di sekolah

Item 23

Konstruk 12 : Keupayaan mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran dalam kehidupan harian melibatkan mata wang, masa dan ukuran panjang

- Guru membaca situasi seperti di dalam instrumen
- Guru minta murid memberi jawapan
- Murid menguasai tugasan ini jika menjawab RM10 / bahasa pengantar di sekolah

Item 24

Konstruk 12 : Keupayaan mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran dalam kehidupan harian melibatkan mata wang, masa dan ukuran panjang

- Guru membaca situasi seperti di dalam instrumen
- Guru minta murid memberi jawapan
- Murid menguasai tugasan ini jika menjawab 10 / bahasa pengantar di sekolah

LINUS © *Hak Cipta Kerajaan Malaysia 2013*